

Kerjasama KKIB penting, bermanfaat kepada semua terlibat

Oleh Yap Siong Han
UB 27.10.2021 P. 02

KOTA KINABALU: Kolaborasi Konsortium Komputeran dan Informatik Borneo (KKIB) sangat memberikan manfaat kepada semua pihak terlibat.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk ChM. Ts. Taufiq Yap Yun Hin berkata, tiga bidang utama di dalam pelan strategik KKIB, iaitu akademik, penyelidikan dan pascasiswazah adalah merupakan komitmen setiap universiti yang terlibat didalam kolaborasi ini sebagai institusi pengajian tinggi.

“Dari aspek akademik, KKIB dijangka akan membantu mempertingkatkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran serta mengukuhkan nilai tambah pensyarah.

“Ia juga mempertingkatkan kecemerlangan pelajar melalui penerimaan, penyesuaian diri kepada teknologi, ilmu pengetahuan baharu dan sentiasa berubah mengikut keadaan semasa yang diperolehi melalui perkongsian di antara rakan KKIB,” katanya ketika Majlis Pelancaran Memorandum Persefahaman (MoU) KKIB, di sini semalam.

Beliau berkata, dari aspek penyelidikan, KKIB dijangka akan menyokong usaha UMS dan rakan-rakan KKIB mempertingkatkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi.

Katanya, KKIB juga akan memastikan kelestarian penyelidikan melalui peng-



RASMI: Taufiq ketika menyampaikan amanatnya dalam majlis berkenaan.

galakan kepada bidang penyelidikan berimpak tinggi yang mampu bertahan lama dan boleh beradaptasi dengan keadaan semasa, lebih kos efektif selain bermanfaat kepada universiti serta masyarakat.

“Dari aspek pascasiswazah pula, KKIB dijangka akan memberikan pengalaman holistik kepada pelajar sarjana dan PhD melalui penganjuran seminar serta kolokium, selain mempertingkatkan keterlihatan, reputasi antarabangsa rakan-rakan universiti di dalam KKIB.

“Oleh itu, pihak UMS bersedia memberikan komitmen dan kerjasama terhadap kolaborasi ini untuk memastikan semua bidang keutamaan didalam KKIB dapat dilaksanakan dengan jayanya.

“Saya percaya dengan

pelaksanaan kolaborasi ini, ia akan mampu dijadikan sebagai satu platform kepada semua ahli akademik serta pelajar dari semua rakan kolaborasi untuk terus maju ke hadapan dalam mencapai kecemerlangan pendidikan ke peringkat lebih tinggi,” katanya.

Dalam pada itu, Taufiq turut berterima kasih kepada semua rakan kolaborasi KKIB iaitu Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi Brunei dari Negara Brunei Darussalaam, Universitas Mulia dan Universitas Mulawarman dati Kalimantan-Indonesia.

“Terima kasih diatas kolaborasi yang amat penting dan bermanfaat ini. Terima kasih juga kepada Fakulti Komputeran dan Informatik kerana mewakili UMS di dalam kolaborasi ini,” katanya.